

04 MAY 2001

PERDANA MENTERI ST.LUCIA AKAN MELAWAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 4 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri St.Lucia Dr Kenny D.Anthony akan mengadakan lawatan rasmi empat hari ke Malaysia mulai Rabu depan, menurut satu kenyataan Kementerian Luar di sini hari ini.

Ini merupakan lawatan pertama perdana menteri St.Lucia, sebuah pulau yang popular bagi pelancongan, ke Malaysia.

Menurut kenyataan itu, lawatan berkenaan adalah untuk mengukuhkan hubungan dua hala antara Kuala Lumpur dan Castries.

Semasa lawatannya Dr Kenny dijadual mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selain melawat Langkawi, Dr Kenny akan mengunjungi Universiti Multimedia di Cyberjaya.

Dr Kenny akan diiringi isterinya, Rose Marie Anthony dan empat orang pegawai.

St Lucia yang terletak di Caribbean mempunyai kira-kira 147,000 penduduk.

Pulau itu yang merupakan negara anggota Komanwel, mendapat kemerdekaan pada 22 Feb 1979.

-- BERNAMA

RV RV RON